

Pembelian rumah mampu milik

# Lebih ramai layak dapat pinjaman

Bank Negara naikan had dapat pinjaman kepada RM4,360

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia menaikkan had pendapatan bulanan isi rumah yang layak mendapatkan pinjaman membeli rumah di bawah Dana Rumah Mampu Milik kepada RM4,360 daripada RM2,300 sebelum ini.

Harga rumah yang boleh dibeli menggunakan pembiayaan di bawah dana itu turut dinaikkan kepada RM300,000 daripada RM150,000 sebelum ini.

Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata penambahbaikan kriteria kelayakan dan ciri-ciri Dana Rumah

Mampu Milik RM1 bilion itu adalah bagi membantu pembeli rumah berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama.

"Meningkatkan had harga maksimum rumah layak dibiayai itu sejajar dengan definisi harga rumah mampu milik dalam Dasar Perumahan Mampu Milik Negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran penubuhan Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP), inisiatif kerjasama antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di sini, semalam.

Penambahbaikan kepada kriteria kelayakan dan ciri-ciri Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion itu akan berkuatkuasa 1 September 2019.

Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion dilancarkan awal tahun ini bagi membantu kumpulan berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama.

Sementara itu, Penolong Gabe-

**Penambahbaikan kriteria kelayakan dan ciri-ciri Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion itu adalah bagi membantu pembeli rumah berpendapatan rendah membiayai pembelian rumah pertama.**

Nor Shamsiah Mohd Yunus,  
Gabenor Bank Negara

nor BNM, Adnan Zaylani Mohamad Zahid, berkata setakat ini sebanyak 700 permohonan diterima untuk dana khas itu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 296 permohonan bernilai RM31 juta diluluskan.

## Dana rumah mampu milik oleh BNM

### Kelayakan:

- » Warganegara Malaysia
- » Pendapatan bulanan isi rumah maksimum sebanyak RM4,360
- » Pekerja makan gaji atau bekerja sendiri
- » Peminjam tunggal / bersama
- » Tiada rekod pembiayaan terjejas untuk tempoh 12 bulan yang lalu

### Ciri-ciri Pembiayaan

- » Harga rumah kediaman sehingga RM300,000
- » Kadar pembiayaan maksimum tahunan sebanyak 3.5% setahun
- » Tempoh pembayaran sehingga 40 tahun atau berumur sehingga 70 tahun, yang mana terdahulu.
- » Pembiayaan secara konvensional / Islam.

### Insentif Istimewa:

- » Tiada fi pemrosesan pembiayaan
- » Pengecualian duti setem ke atas perjanjian jual beli dan perjanjian pembiayaan
- » Kadar yang berpatutan untuk perlindungan gadai janji

### Institusi Kewangan Peserta:

AmBank: 03-2178 8888  
BSN: 1-300 88 1900  
CIMB: 03-6204 7788  
Maybank: 1-300 88 6688  
RHB: 03-9206 8118  
(Semenanjung Malaysia)  
082-276 118  
(Sabah dan Sarawak)



Grafik BNM

# Pastikan pemaju bina rumah bawah RM150,000

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu memastikan pemaju dan kontraktor terus membina rumah mampu milik berharga bawah RM150,000 walaupun Bank Negara Malaysia mengumumkan had harga maksimum kediaman layak dibiayai menggunakan Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion dinaikkan kepada RM300,000.

Presiden Kongres Kesatuan Pe-

kerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda, berkata rumah adalah satu keperluan hidup bukan hanya untuk penjawat awam sahaja, malah seluruh rakyat.

Justeru, Azih berkata, CUEPACS menyambut baik pengumuman Bank Negara menaikkan harga maksimum rumah layak dibiayai di bawah Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion dinaikkan kepada RM300,000 berbanding RM150,000 sebelum ini.

"Biar pun Bank Negara mengumumkan kenaikan had maksimum pembiayaan dana itu sehingga RM300,000, kelulusan pinjaman perumahan oleh institusi kewangan atau bank adalah bergantung kepada tanggungan dan gaji bulanan serta umur penjawat

awam berkenaan sendiri.

"Misalnya jika penjawat awam berusia lebih 35 tahun lambat membuat pinjaman perumahan menggunakan skim berkenaan sudah pasti mereka tidak dapat menyelesaikan baki pinjaman sebelum atau semasa bersara pada usia 60 tahun.

"Jadi biarpun Bank Negara mengumumkan kenaikan had maksimum pinjaman, tidak semesti mereka layak membeli rumah bernilai sehingga RM300,000 kerana ia bergantung kepada peratusan gaji bulanan yang tinggal selepas ditolak tanggungan dan hutang lain, termasuk sewa beli kereta dan sebagainya," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Azih berkata demikian ketika mengulas pengumuman Bank Negara bahawa harga maksimum rumah layak dibiayai di bawah Dana Rumah Mam-

pu Milik RM1 bilion dinaikkan kepada RM300,000 berbanding RM150,000 sebelum ini.

Berikutan itu, Azih menegaskan kerajaan perlu memastikan pemaju dan kontraktor akan terus membina rumah mampu milik berharga di bawah RM150,000 bu-

kannya memberi tumpuan kepada pembinaan kediaman bernilai sehingga RM300,000 sekali gus menyebabkan penjawat awam terutama kumpulan pelaksanaan Gred 41 ke bawah tidak mampu membelinya.

"Sekarang kebanyakan penjawat awam, terutama mereka yang tinggal di bandar besar seperti Kuala Lumpur hanya mampu membeli rumah mampu milik berharga bawah RM200,000 berikutan gaji bulanan kecil selain kos sara hidup dan harga barang keperluan harian semakin meningkat setiap hari.

"Kebimbangan CUEPACS apabila kerajaan mengumumkan kenaikan berkenaan maka pemaju dan kontraktor projek perumahan berlumba-lumba membina rumah mampu milik berharga sehingga RM300,000 dan akhirnya kediaman berkenaan tidak dapat dijual kerana kebanyakan penjawat awam tidak mampu membelinya," katanya.

Beliau berkata, gaji yang kecil dan kos sara hidup yang tinggi terutama di bandar besar menjadi antara penyebab utama sehingga kini dianggarkan hanya 50 peratus dari lebih 1.3 juta penjawat awam belum memiliki kediaman sendiri.

Azih Muda,  
Presiden CUEPACS

